

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

FANNYGA BT. ASAI: **TERIMA KASIH** PROGRAM MDAB

Disunting oleh: Ch'ng Looi Chin

Pada tahun 2011, saya menyertai UiTM melalui Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) di mana terdapat dua aliran untuk program tersebut pada masa itu, iaitu Pra Perdagangan dan Pra Sains. Saya telah memilih aliran sains dengan pengkhususan dalam bidang sains fizikal. Saya bersyukur di atas cabaran yang saya lalui sepanjang pembelajaran saya. Masih saya ingat saat pertama kalinya menjejakkan kaki ke UiTM tanpa mengenali sesiapa dan perlu bergerak sendiri semasa pendaftaran kursus. Selain berjauhan dengan keluarga, saya juga sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran baru di alam universiti kerana banyak perbezaan berbanding dengan peringkat persekolahan. Contohnya, dari segi pengurusan jadual kuliah, aspek ini telah menyedarkan saya betapa pentingnya untuk seorang pelajar mengendalikan masa dengan baik. Walaupun mempunyai tugas yang banyak, saya dapat menyelesaikan tugas tersebut dalam masa yang singkat. Namun begitu, saya juga menghadapi cabaran seperti sukar untuk membiasakan diri berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan para pensyarah dan kadang-kadang mengalami kekangan wang. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran ini telah menjadi petunjuk bagi saya untuk memperbaiki prestasi di arena akademik.

Di sini saya ingin berterima kasih kepada keluarga, pensyarah-pensyarah dan kawan-kawan yang pernah menyuluh jalan saya supaya saya dapat merentasi segala kesukaran yang dihadapi bagi menyempurnakan pembelajaran saya dengan jayanya. Saya percaya nukilan saya ini akan turut menjadi petunjuk bagi siswa-siswi baru terutamanya pelajar-pelajar MDAB. Suka bertanya soalan adalah petunjuk utama bagi mendapat kefahaman yang lebih mendalam untuk mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Oleh yang demikian, saya selalu berjumpa dan mendekati para pensyarah sekiranya ada masalah dengan kursus-kursus yang diambil. Selepas memahami konsep sesuatu teori, saya turut membantu rakan lain yang memerlukan bantuan saya. Di samping itu, dengan berkongsi ilmu, ini membolehkan saya mendalami konsep tersebut dengan lebih mendalam.

Selain itu, saya juga giat menyertai dan menyokong mana-mana aktiviti persatuan yang telah dianjurkan secara aktif, terutamanya aktiviti-aktiviti anjuran persatuan fakulti. Bergaul dan menjadi lebih mesra dapat meningkatkan interaksi dengan pelajar lain dari fakulti sendiri dan juga yang lain. Mengambil tahu dan peka terhadap isu sekeliling dan berani mencuba perkara baru adalah petua untuk meningkatkan lagi prestasi sendiri secara menyeluruh.

Program MDAB telah banyak membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan seperti saya untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Ia memberi peluang kepada pelajar bumiputera untuk lebih berdaya saing di kalangan masyarakat. Program ini telah membuka mata saya untuk mengenali budaya universiti sebelum melangkah ke tahap diploma dan seterusnya ke peringkat lebih tinggi. Program MDAB telah mengajar saya untuk mengenali erti bersyukur kerana diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dan ini menggalakkan saya untuk lebih berusaha dan belajar bersungguh-sungguh. Saya turut bersyukur kerana Program MDAB tidak mengenakan apa-apa yuran untuk pendaftaran, malah memberi elaun setiap bulan bagi membantu mengurangkan beban ibubapa saya dari segi kewangan dan membolehkan saya terus belajar sehingga kini. Tanpa Program MDAB, saya tidak akan berada di Menara Gading – UiTM sentiasa di hati ku.



Ketika mengendalikan Majlis Apresiasi dan Aspirasi (MAA) sebagai Ketua Projek



Seminar Hari Malaysia bersama Menteri Kerja Raya



Gambar kenangan semasa menerima Anugerah Dekan sebanyak tiga kali

PRESEVERANCE – THE KEY OF SUCCESS

By: Yeo Jiin Yih

NORSHAMIRA BT SALLEH was a former student under the MDAB programme in UiTM Sarawak. She later graduated with a Diploma in Science with a 3.21 CGPA. She is currently taking the Bachelor Degree in Chemistry in UiTM Sarawak.

During the interview, Norshamira shared that one of the essential traits of success is dogged perseverance. Her philosophy is to “keep pushing and trying and don’t succumb to frustration and despair”. Norshamira also highlighted that group study or group discussion had helped her develop self-discipline and learn problem-solving skills and teamwork skills. Most of the time, she had her questions answered through group discussions. Exchanging of ideas has enriched her learning experiences.

Norshamira also shared that one of the challenges was time management. To solve this, she learnt to balance her time between studies and other activities, such as *Jawatan Kuasa Perwakilan Kolej (JPK)* by creating her own timetable. She decorated the calendar nicely and hung it on the wall in her room to remind her of the important dates for tests, events, presentations and submission of assignments.

When asked about the dream or goal of her life, Norshamira shared that her ultimate goal is to make her parents happy and proud of her. Her parents are the pillar of strength to her. She is determined to study hard in order to secure a better job in the future in order to support her family financially.



(calendar created by Norshamira)



Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my